

# Kepengerusian 2025 medan Malaysia subur kemakmuran ASEAN



Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Laila Suriya Ahmad Apandi  
bhrencana@bh.com.my

Pada 9 hingga 11 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan di Vientiane, Laos.

Sidang itu menjadi titik penting kerana menandakan penyerahan rasmi jawatan Pengerusi ASEAN 2025 kepada Malaysia daripada Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone kepada Anwar dengan pengambilalihannya akan berkuatkuasa pada 1 Januari ini.

Kepengerusian Malaysia pada 2025 bukan sekadar acara simbolik, tetapi bab penting, selaras dengan ulang tahun ke-10 penubuhan Komuniti ASEAN dan pelancaran Wawasan Komuniti ASEAN 2045 bakal menggariskan hala tuju masa depan ASEAN untuk dua dekad akan datang.

Pada majlis itu, Anwar melancarkan tema untuk Kepengerusian Malaysia iaitu 'Keterangkuman dan Kemampanan', mencerminkan aspirasi kemajuan bersama tanpa ada yang tercicir dengan jaminan segala tindakan tatkala Malaysia mpengeurusikan ASEAN akan diputuskan secara konsensus antara 10 ahli.

Antara agenda penting kepengerusian Malaysia ialah memastikan penyertaan Timor-Leste sebagai ahli ke-11 ASEAN dalam usaha meningkatkan potensi dan memperluas ekonomi ASEAN, selain menyumbang kepada pencapaian wawasan besar

blok berkenaan.

Adalah satu kejayaan besar bagi Malaysia jika ia berjaya mendapatkan konsensus semua 10 ahli untuk menerima Timor-Leste sebagai ahli ke-11 ASEAN di bawah kepengerusian Malaysia selepas pemimpin ASEAN bersetuju pada prinsipnya menerima Timor-Leste pada 2022.

## Kekal prinsip blok bebas

Selain itu, ia termasuk penegasan untuk ASEAN mengekalkan prinsip sebagai blok bebas dan mengekalkan hubungan dua hala dengan kuasa besar sama ada Amerika Syarikat (AS), China, Russia atau Kesatuan Eropah (EU).

Ini ditekan dari awal oleh Anwar pada Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) ke-19 melalui penegasan mengenai kepentingan menegakkan prinsip kebebasan ASEAN sambil mengekalkan hubungan baik dengan AS dan EU, memperkukuh hubungan dengan China serta mengekalkan hubungan dengan Russia selaras dengan status ASEAN sebagai blok yang bebas dan berdaulat.

Ketegangan di Laut China Selatan juga kekal sebagai cabaran utama dan Malaysia menekankan penyelesaian melalui diplomasi dan undang-undang antarabangsa, khususnya Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982.

Melalui Sidang Kemuncak ASEAN-China ke-27, Anwar menzahirkan penghargaan terhadap peranan dan sumbangan China pada ekonomi serantau, menyampaikan pendirian ASEAN berhubung kepentingan untuk semua pihak mengekalkan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan, selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa.

Malaysia juga menunjukkan komitmen untuk mencari penyelesaian damai kepada krisis Myanmar. Anwar menyambut baik kesediaan Myanmar menghantar pemerhati ke Sidang Kemuncak dan membuka ruang rundingan.

Malaysia akan mengetuai usaha ini dengan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, akan menyelaraskan rundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Malaysia juga berhasrat memperkukuh dan memperluas kerjasama ekonomi ASEAN ke seluruh dunia.

Ini termasuk memperluas rangkaian perdagangan dan pelaburan dengan memanfaatkan 685 juta rakyat ASEAN dan peningkatan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA) dijadualkan ditandatangani pada tahun depan.

Selain itu, Sidang Kemuncak ASEAN-GCC + China akan dianjurkan pada 2025 dengan pembabitian negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) seperti Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), dijangka membuka peluang ekonomi baharu bagi ASEAN.

Kesiapsiagaan Anwar menyiapkan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN jelas terlihat dalam pembabitian aktif beliau dalam lebih 30 acara, persidangan, mesyuarat dua hala dan kunjungan hormat bersama pelbagai negara serta pertubuhan antarabangsa bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 lalu.

Tegasnya, tanggungjawab Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 akan menjadi peluang menyatukan negara ASEAN dalam mencapai visi jangka panjangnya dan memperkukuh kedudukan blok ini di arena global.